

UNTUK TERBITAN SEGERA

19 Mac 2013

KENYATAAN AKHBAR**Pharmaniaga kini di Kidzania Kuala Lumpur**

Kuala Lumpur – Berita baik bagi kanak-kanak dan ibubapa yang inginkan anak-anak mereka merasai pengalaman bekerja sebagai seorang pengkaji perubatan, baru-baru ini Pharmaniaga telah menubuhkan satu 'pusat kajian' yang dikenali sebagai Institut Kajian Vitamin Citrex (Citrex Vitamin Research Institute) di Kidzania Kuala Lumpur.

Dirasmikan oleh Pengarah Urusan Pharmaniaga, Dato' Farshila Emran, Institut Kajian Vitamin Citrex tersebut merupakan satu pusat penyelidikan mini di mana kanak-kanak berpeluang mempelajari bagaimana vitamin dibuat.

Proses pembelajaran tersebut bermula dengan kanak-kanak memohon pekerjaan sebagai pengkaji di institut tersebut dan mereka akan mengenakan pakaian yang sesuai seperti jubah makmal berwarna putih, topeng muka, sarung tangan dan penutup rambut.

Mereka juga akan mempelajari tentang asid melalui proses mencampurkan asid askorbik iaitu bahan mentah dalam penghasilan Vitamin C, dengan air dan menguji larutan terhasil menggunakan kertas litmus.

"Di sini, kanak-kanak akan diberikan pemahaman asas bagaimana Vitamin C dihasilkan di pusat pembuatan Pharmaniaga yang mengikut Amalan Pengilangan Yang Baik atau Good Manufacturing Practice, GMP", kata Farshila.

"Institut mini ini juga menyediakan persembahan video di mana kanak-kanak akan mengetahui bahawa vitamin dihasilkan dalam pelbagai bentuk dan saiz serta cara ianya dihantar ke hospital, klinik, farmasi, dan pasar raya," tambah beliau.

Kanak-kanak akan mengambil masa selama 20 minit untuk merasakan peluang bekerja di institut tersebut dan pada akhir sesi, mereka akan mendapat sampel Vitamin C Citrex.

Selain daripada sampel vitamin, Pharmaniaga juga memberikan 8 Kidzos (matawang Kidzania) kepada kanak-kanak yang telah berkhidmat di institut tersebut.

Menurut Farshila, “Di sesetengah tempat, kanak-kanak perlu membayar Kidzos untuk bekerja, dan ada juga yang menyediakan “gaji” sebanyak 5 Kidzos. Namun, kami menghadiahkan “pekerja” kami dengan 8 Kidzos”.

“Walaupun di Kidzania, kita tetap berusaha untuk menjadi majikan pilihan!”, beliau berseloroh.

Bersama-sama di majlis pembukaan Institut Kajian Vitamin Citrex tersebut adalah Ketua Pegawai Operasi Pharmaniaga, Mohamed Iqbal Abdul Rahman serta Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Themed Attractions And Resorts Sdn Bhd, Tunku Dato' Ahmad Burhanuddin.



Dato' Farshila Emran menyempurnakan upacara pembukaan, disaksikan oleh (dari kiri) Mohamed Iqbal dan Tunku Dato' Ahmad Burhanuddin.



Penyelia memastikan proses dijalankan dengan selamat.



Kanak-kanak diberi peluang menggunakan mesin yang canggih.



Peserta mendapatkan produk selepas proses penghasilan.



Sampel Vitamin C Citrex diberikan sebagai cenderahati selepas sesi tamat.



Pengajar menerangkan aliran kerja sebelum proses penghasilan dimulakan.

tamat

PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad, anak syarikat kepada Kumpulan Syarikat Boustead merupakan sebuah syarikat yang tersenarai di papan utama Bursa Saham Malaysia. Teras perniagaannya menjuruskan kepada penghasilan ubat-ubatan generik, kajian dan penyelidikan farmaseutikal dan peralatan perubatan, pemasaran dan jualan, pengestoran dan pengagihan bahan-bahan farmaseutikal serta peralatan perubatan dan juga pemasangan alatan perubatan dan hospital.

Dengan visi utama untuk menjadi sebuah syarikat farmaseutikal tempatan yang terulung, Pharmaniaga didorong secara terus oleh falsafah yang ditetapkan iaitu 'perniagaan secara beretika' dan mengetengahkan misi utamanya, dalam memperkayakan kehidupan secara bersama-sama, atau "**Enriching Life Together**". Beroperasi di sekitar 38 lokasi di 3 buah Negara termasuk Malaysia, Indonesia dan Vietnam, Pharmaniaga dijangkakan mampu menjadi tunggak utama di dalam industri farmaseutikal tempatan.

Dikeluarkan oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Kumpulan Pharmaniaga.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Zuhri Iskandar Kamarzaman at 03 3342 9999 samb 434 atau zuhri@pharmaniaga.com